

MADKHAL
PEMBANGUNAN KANDUNGAN

NAMA KURSUS / TOPIK:

Pengenalan bagi Ulum Al-Quran

OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN: -

- 1. Memperkenalkan Konsep Asas Ulum Al-Quran:** Peserta kursus akan diperkenalkan dengan definisi dan konsep-konsep penting dalam Ulum Al-Quran, seperti Mutawatir, nama-nama dan sifat-sifat Al-Quran, serta memahami perbezaan antara Al-Quran, Hadis Qudsi, dan Hadis Nabawi.
- 2. Mengkaji Sejarah Perkembangan Ulum Al-Quran:** Memahami proses pengumpulan Al-Quran mulai dari zaman Nabi Muhammad SAW hingga zaman Khalifah Uthman R.A, serta mengenali keistimewaan Rasm Uthmani.
- 3. Menyelami Asbab Nuzul dan Pengaruhnya:** Mengetahui sebab-sebab turunnya ayat-ayat tertentu, manfaat dari pemahaman Asbab Nuzul, dan bagaimana hal ini memberikan konteks yang lebih mendalam dalam memahami pesan Al-Quran.
- 4. Memahami Pembahagian Makkiyah dan Madaniyah:** Belajar tentang dasar-dasar pembahagian ayat Al-Quran menjadi Makkiyah dan Madaniyah, cirinya, dan pentingnya pengetahuan ini dalam memahami dan mentafsirkan Al-Quran.
- 5. Memahami kisah-kisah dalam Al-Quran, jenis-jenis kisah, fungsi dan tujuan dari kisah-kisah ini, serta hikmah di sebalik pengulangan cerita dalam Al-Quran:** Kursus ini bertujuan untuk tidak hanya meningkatkan pengetahuan keagamaan tetapi juga memperkaya pemahaman spiritual dan intelektual peserta tentang Al-Quran sebagai pedoman hidup.

**BAHAGIAN-BAHAGIAN:**

Bahagian A: Topik-topik bagi Sesi Modul (1-5) dan Isi kandungan utama.....	3-10
Bahagian B: Material Modul bagi Sesi 1-5.....	11-40
Bahagian C: Kuiz	41
Bahagian D: Rujukan	42

BAHAGIAN A: TOPIK-TOPIK MODUL UTAMA

SESI PERTAMA: PENGENALAN ULUM AL-QURAN

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh pemahaman tentang definisi dan skop 'Ulum Al-Quran, serta akan dapat membezakan antara Al-Quran, Hadis Qudsi, dan Hadis Nabawi.

2. MASA KURSUS: 30 minit sahaja

3. ISI-ISI KANDUNGAN UTAMA: -

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Pendahuluan	Pengenalan kepada sesi ini	5 minit
Pengertian Ulum Al-Quran	Pengantar kepada ilmu yang berkaitan dengan Al-Quran, termasuk definisi, skop perbahasan ilmu al-quran, kandungan isi Al-Quran	7 minit
Makna Mutawatir	Perbincangan tentang apa itu Mutawatir, ciri-cirinya, dan bagaimana ia mempengaruhi keaslian manuskrip Al-Quran.	5 minit
Nama-nama Al-Quran dan sifat-sifatnya	Penjelasan mengenai pelbagai nama yang diberikan kepada Al-Quran dan sifat-sifat yang membezakannya dari teks-teks lain. Seperti <i>al-Kitab, al-Furqan, al-Dzikr, dan Tanzil</i> .	6 minit
Perbezaan Antara Al-Quran, Hadis Qudsi dan Hadis Nabawi	Pemahaman tentang perbezaan antara wahyu yang terkandung dalam Al-Quran dan Hadis Qudsi serta contoh-contoh untuk menjelaskan perbezaan tersebut.	4 minit
Wahyu	Definisi wahyu, perbezaan antara wahyu dan ilham	3 minit

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- Peserta akan memperoleh pengetahuan tentang sejarah pengumpulan dan penulisan Al-Quran dari zaman Nabi Muhammad S.A.W. hingga zaman Khalifah Saidina Uthman R.A.

2. MASA KURSUS: 30 minit sahaja

3. ISI-ISI KANDUNGAN UTAMA: -

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Pengenalan	Pengenalan awal tentang sejarah pengumpulan Al-Quran dan pentingnya topik ini.	2 minit
Pengumpulan Al-Quran pada Zaman Rasulullah	Penerangan tentang proses pengumpulan ayat-ayat Al-Quran semasa hayat Rasulullah S.A.W., termasuk metod hafalan, penulisan dan sebagainya	5 minit
Pengumpulan Al-Quran pada Zaman Saidina Abu Bakar	Diskusi tentang inisiatif pengumpulan Al-Quran oleh Saidina Abu Bakar R.A. dan peranan Zaid bin Thabit dalam proses ini.	5 minit
Pengumpulan Al-Quran pada Zaman Saidina Uthman R.A.	Penjelasan tentang pengumpulan dan penyatuan mushaf Al-Quran pada zaman Saidina Uthman R.A. untuk menghasilkan Rasm Uthmani.	4 minit
Perbezaan pengumpulan Al-Quran pada Zaman Abu Bakar dan Saidina Uthman	Memahami perbezaan semasa pengumpulan Al-Quran pada Zaman Abu Bakar dan Saidina Uthman	3 minit

Keistimewaan Rasm Uthmani	Ulasan tentang ciri-ciri khas Rasm Uthmani yang membezakan mushaf Uthmani dari mushaf-mushaf yang lain.	3 minit
Kepentingan Pengumpulan Rasm Uthmani	Pembahasan tentang kepentingan pengumpulan dan penyatuan Al-Quran dalam bentuk Rasm Uthmani dan impaknya terhadap penyebaran Islam.	3 minit
Ayat terawal dan terakhir diturunkan	Apakah Ayat Pertama Al-Quran? Apakah Ayat terakhir Al-Quran diturunkan?	3 minit
Penutup	Penutup topik ini	2 minit

SESI KETIGA: NUZUL QURAN

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- Peserta akan memahami konsep Nuzul Quran, mengenal pasti sebab-sebab tertentu ayat diturunkan, dan mengerti bagaimana pengetahuan ini mempengaruhi tafsiran dan pemahaman Al-Quran.

2. MASA KURSUS: 30 minit sahaja

3. ISI-ISI KANDUNGAN UTAMA: -

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Pendahuluan	Ringkasan pendahuluan	3 minit
Pengertian Asbab Nuzul	Pengenalan tentang apa itu Asbab Nuzul dan bagaimana ia menjadi kunci dalam memahami konteks dan pesan yang terkandung dalam ayat-ayat Al-Quran.	2 minit
Tahap-tahap Penurunan Al-Quran	1. Dari Luh Mahfuz Ke Baitul Izzah 2. Baitul Izzah ke Langit Dunia 3. Langit dunia kepada Nabi Muhammad SAW	6 minit
Faedah-faedah mengetahui Asbab Nuzul	Diskusi tentang bagaimana pengetahuan mengenai Asbab Nuzul dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang ayat-ayat Al-Quran dan aplikasinya dalam kehidupan.	5 minit
Pembahagian jenis-jenis Asbab Nuzul	1. Mempunyai peristiwa <ul style="list-style-type: none"> 1.1. respons terhadap suatu kejadian 1.2. Pertanyaan kepada Rasulullah SAW 2. Dari Sudut jumlah Penyebab Asbab Nuzul <ul style="list-style-type: none"> 2.1. Satu ayat Al-Quran boleh memiliki banyak sebab 2.2. Al-Quran diturunkan hanya untuk menjawab satu sebab 	5 minit

	<p>3. Dari sudut periwayatan</p> <p>3.1. Riwayat Sahih vs Dhaif</p> <p>3.2. Tahap kekuatan riwayat sama sahih</p> <p>3.3. Sama-sama tidak sahih</p>	
Sighah Asbab Nuzul	Penerangan bentuk sighah-sighah asbab nuzul di dalam Al-Quran	5 minit
Memahami Kaidah al-Ibrah bi Umum al-Lafdz la bi khusus al-Sabab	Menerangkan maksud serta aplikasi kaedah ini serta contoh-contohnya.	5 minit
Penutup	Penutup sesi ini	2 minit

SESI KEEMPAT: MAKKIYAH MADANIYAH

4. HASIL PEMBELAJARAN:

- Peserta akan memahami perbezaan antara ayat-ayat Makkiyah dan Madaniyah, dasar-dasar penetapan, ciri-cirinya, serta kepentingan ilmu ini dalam mentafsirkan Al-Quran.

5. MASA KURSUS: 30 minit sahaja

6. ISI-ISI KANDUNGAN UTAMA: -

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Pendahuluan	Pendahuluan sesi ini	2 minit
Pengertian Makkiyah dan Madaniyah	Pengenalan tentang definisi dan konsep asas ayat-ayat Makkiyah dan Madaniyah dalam Al-Quran.	4 minit
Dasar Penetapan Makkiyah dan Madaniyah	Pembahasan mengenai kaedah-kaedah yang digunakan untuk menentukan apakah suatu ayat itu Makkiyah atau Madaniyah.	4 minit
Ciri-Ciri Makkiyah dan Madaniyah	Penerangan tentang ciri-ciri khusus yang membezakan ayat-ayat Makkiyah dari Madaniyah, termasuk gaya bahasa, tema, dan subjek yang dibicarakan.	4 minit
Kepentingan Ilmu Makkiyah dan Madaniyah dalam Tafsiran Al-Quran	Diskusi tentang bagaimana pemahaman tentang pembagian ini dapat mempengaruhi pendekatan dan pemahaman kita terhadap tafsiran Al-Quran.	4 minit
Perbezaan Pendapat Mengenai Ayat Makkiyah dan Madaniyah dalam Al-Quran	1.1. Perbezaan Pendapat Pertama: Tempat Turunnya <ul style="list-style-type: none"> • Penjelasan tentang perbezaan pendapat mengenai tempat turunnya ayat Makkiyah dan Madaniyah. 	6 minit

	<ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan tentang hujah yang digunakan oleh masing-masing pendapat. <p>1.2. Perbezaan Pendapat Kedua: Waktu Turunnya</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penjelasan tentang perbezaan pendapat mengenai waktu turunnya ayat Makkiyah dan Madaniyah. • Perbincangan tentang hujah yang digunakan oleh masing-masing pendapat. 	
Penutup	Penutup sesi ini	2 minit

SESI KELIMA: ILMU QASAS AL-QURAN (ILMU-ILMU KISAH AL QURAN)

7. HASIL PEMBELAJARAN:

- Peserta akan memahami maksud dan tujuan dari kisah-kisah yang terdapat dalam Al-Quran, jenis-jenis kisah, dan bagaimana kisah-kisah ini dapat memberikan pengaruh dan pelajaran dalam kehidupan sehari-hari.

8. MASA KURSUS: 30 minit sahaja

9. ISI-ISI KANDUNGAN UTAMA: -

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Pendahuluan	Pendahuluan sesi ini	2 minit
Pengertian Kisah-kisah dalam Al-Quran	Pengenalan kepada konsep kisah-kisah dalam Al-Quran dan bagaimana ia diangkat menjadi salah satu metod penyampaian ajaran Islam.	5 minit
Jenis-Jenis Kisah di dalam Al-Quran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kisah para Nabi 2. kisah yang berkenaan dengan orang-orang di masa lampau yang tidak tergolong nabi, 3. Peristiwa-peristiwa yang terjadi pada masa Nabi 	8 minit
Fungsi dan Tujuan Kisah di dalam Al-Quran	Menerangkan fungsi dan tujuan Allah SWT menyebut kisah-kisah di dalam Al-Quran.	5 minit
Hikmah Pengulangan Cerita/qasas dalam Al-Quran	<p>Metodologi ungkapan qasasul quran</p> <p>Menerangkan hikmah-hikmah kenapa Allah SWT menceritakan kisah-kisah para nabi secara berulang-ulang</p>	8 minit
Kesan-Kesan Qasas kepada kehidupan manusia	Memberikan contoh-contoh ungkapan kisah para anbiya' yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan seharian, seperti pemimpin keluarga, ibubapa yang baik, dan sebagainya.	2 minit
Penutup	Penutup bagi keseluruhan topik	2 minit

BAHAGIAN B: MATERIAL

SESI PERTAMA: PENGENALAN ULUM AL-QURAN

PENGERTIAN ULUM AL-QURAN

Istilah "Ulum al-Qur'an" berasal dari bahasa Arab dan merupakan gabungan dari dua kata, iaitu "ulum" dan "al-Qur'an". Kata "ulum" pada dasarnya bermaksud pengetahuan atau pemahaman, atau ilmu, manakala "al-Qur'an" merujuk kepada kitab suci yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW.

Al-Quran kitab yang diturunkan ke atas Rasulullah Muhammad S.A.W, yang tertulis di dalam mushaf-mushaf, dinukilkhan kepada kita daripada baginda secara mutawatir tanpa sebarang keraguan. Lihat al-Mustasfa Min Ilm al-Usul (1/65).

Adalah dapat difahami bahawa "Ulum al-Qur'an" adalah ilmu-ilmu atau pengetahuan yang berkaitan dengan pelbagai aspek al-Qur'an. Ini termasuk pengetahuan tentang cara membaca dengan betul seperti ilmu *tajwid*, *qira'at*, dan keutamaan membaca al-Qur'an. Tambahan pula, ia juga merangkumi pengetahuan mengenai proses penurunan al-Qur'an, sejarah pembentukan mushaf al-Qur'an, dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

Selain itu, "Ulum al-Qur'an" juga melibatkan pemahaman yang mendalam tentang kandungan al-Qur'an, seperti tafsir sebab-sebab turunnya ayat-ayat (asbab an-nuzul), konsep nasikh mansukh (perubahan hukum dalam al-Qur'an), pemahaman tentang ayat-ayat yang jelas dan samar, persamaan dan perbezaan antara ayat, serta pemahaman tentang mukjizat al-Qur'an dan tata bahasa al-Qur'an.

APAKAH MAKSUD MUTAWATIR DALAM KONTEKS AL-QURAN?

Sebagaimana definisi al-quran, ianya adalah mutawatir. Maka, perbincangan apakah itu mutawatir?

Mutawatir dalam konteks Al-Quran merujuk kepada nas-nas yang disampaikan melalui bilangan orang yang **begitu ramai** sehingga boleh dikatakan mustahil mereka semua bersepakat untuk berdusta atau melakukan kesalahan dalam penyampaiannya.

Ini berarti bahwa kebenaran dan kesahihan nas tersebut diterima dengan yakin tanpa keraguan. Keseluruhan Al-Quran dianggap mutawatir kerana ia disampaikan kepada kita melalui banyak sanad atau rantai penyaluran yang beragam dan luas dari generasi ke

generasi, dengan jumlah pembawa berita yang sangat banyak sehingga menjamin keasliannya.

Dalam konteks Al-Quran, istilah mutawatir menggariskan bagaimana keseluruhan kandungan Al-Quran disampaikan dari Nabi Muhammad SAW kepada umatnya: melalui proses yang sangat teliti dan hati-hati, dihafal oleh penghafal Al-Quran dan penulisan, yang kemudian disampaikan oleh sejumlah besar sahabat dan *tabi'in* kepada generasi berikutnya, sehingga mencapai kita dengan kepastian yang sangat tinggi akan keasliannya.

Oleh demikian Al-Quran itu, dianggap sebagai sumber wahyu yang paling sahih dan dapat dipercaya dalam Islam, dan status ‘mutawatirnya’ menegaskan kedudukannya sebagai pedoman utama dalam aqidah (kepercayaan) dan syariah (hukum) Islam.

Tidak ada keraguan mengenai isi dan ajaran Al-Quran karena proses penyalurannya yang mutawatir, yang memastikan bahwa setiap kata, ayat, dan surah yang terkandung di dalamnya adalah benar-benar dari Allah SWT, sebagaimana yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW. Ini juga membantu membedakan Al-Quran dari hadis, yang meskipun juga merupakan sumber penting dalam Islam, dikategorikan berdasarkan tingkat kepercayaan dan kesahihannya (misalnya, sahih, hasan, daif) berdasarkan kriteria tertentu, termasuk jumlah dan kepercayaan perawinya.

NAMA-NAMA LAIN AL-QURAN

Al-Quran mempunyai pelbagai nama yang menggambarkan sifat, fungsi, dan keunggulannya. Menurut Syekh Jalaluddin al-Suyuthi dalam kitab al-Itqan fi 'Ulum al-Quran, Al-Quran memiliki 55 nama lain yang mencerminkan berbagai aspek dari wahyu ini.

Al-Quran adalah petunjuk yang lurus dan memberi kabar baik kepada orang-orang Mu'min yang berbuat baik (Q.S. al-Isra'/17:9).

1. Al-Kitab adalah sebuah kitab yang di dalamnya terdapat sebab-sebab kemuliaan bagi umat manusia (Q.S. al-Anbiya'/21:10).
2. Al-Furqan adalah Al-Quran yang membedakan antara yang benar dan yang salah, dan menjadi pemberi peringatan bagi seluruh alam (Q.S. al-Furqan/25:1).
3. Al-Dzikr adalah Al-Quran yang Allah menurunkannya dan memeliharanya dengan baik (Q.S. Al-Hijr/15:9).

4. Al-Tanzil adalah Al-Quran yang benar-benar diturunkan oleh Tuhan semesta alam (Q.S. Asy-Syu'ara'/26:192).

Penamaan Al-Quran dengan nama-nama ini mencerminkan makna dan fungsi sebenarnya dari Al-Quran. Nama Al-Kitab menekankan pentingnya penulisan dan bacaan Al-Quran. Dengan cara ini, Al-Quran dipelihara dalam bentuk bacaan (hapalan) dan tulisan. Keduanya saling melengkapi satu sama lain, dan jika salah satu salah, yang lainnya dapat memperbaikinya. Dengan pengawasan ganda ini, Al-Quran tetap terjaga dengan baik.

PERBEZAAN AL-QURAN DAN HADIS QUDSI

Dalam Islam, terdapat perbezaan antara Al-Quran, Hadis Qudsi, dan Hadis Nabawi. Berikut adalah perbezaan utama antara ketiganya:

1. Al-Quran:

- Al-Quran adalah kitab suci utama dalam Islam, dianggap sebagai kalam Allah yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibril.
- Al-Quran terdiri daripada 114 surah atau bab, yang mengandungi ayat-ayat yang membentuk panduan utama bagi umat Islam dalam beribadah, etika, hukum, dan tata cara hidup.
- Al-Quran ditulis dalam bahasa Arab, dan setiap perkataan dan ayat di dalamnya dianggap sebagai firman Allah yang tidak boleh diubah atau ditambah. Tidak ada perubahan dalam Al-Quran sejak diturunkan.

2. Hadis Qudsi:

- Hadis Qudsi adalah ucapan atau perbuatan Nabi Muhammad SAW yang disampaikan oleh Allah kepada Nabi, tetapi ia tidak termasuk dalam teks Al-Quran.
- Hadis Qudsi mengandungi hikmah, panduan, atau pesan Allah, tetapi ia disampaikan melalui kata-kata Nabi Muhammad SAW.
- Hadis Qudsi memiliki status yang tinggi dalam Islam, tetapi berbeza dari Al-Quran dalam hal sumbernya dan kedudukannya dalam ajaran Islam.

3. Hadis Nabawi:

- Hadis Nabawi adalah ucapan, perbuatan, atau persetujuan Nabi Muhammad SAW yang dicatat oleh para sahabatnya dan disampaikan melalui sanad atau rantai perawi.

- Hadis Nabawi memberikan panduan tambahan dan penjelasan terhadap ajaran Al-Quran. Ia juga membahas tindakan dan peristiwa dalam kehidupan Nabi yang tidak tercakup dalam Al-Quran.
- Hadis Nabawi adalah salah satu sumber penting dalam Islam dan digunakan untuk menjelaskan, menguatkan, atau merinci ajaran dalam Al-Quran.

Jadi, Al-Quran adalah kitab suci utama dalam Islam yang diwahyukan langsung oleh Allah, Hadis Qudsi adalah pesan-pesan Allah yang disampaikan melalui Nabi Muhammad SAW, dan Hadis Nabawi adalah catatan tentang ucapan dan tindakan Nabi Muhammad SAW yang menjadi sumber tambahan ajaran dalam Islam. Semua tiga elemen ini memiliki peranan penting dalam pemahaman dan amalan agama Islam.

APAKAH PERBEZAAN HADIS QUDSI DENGAN AL-QURAN?

Menurut Al-Jurjani

“Hadith qudsi adalah hadith yang maknanya datang daripada Allah, sementara lafaznya daripada SAW. Sehingga hadith qudsi adalah berita daripada Allah SWT kepada Nabi-Nya melalui ilham atau mimpi. Kemudian Rasulullah SAW menyampaikan hal itu dengan ucapan atau lafaz daripada beliau sendiri. Untuk itu, al-Qur'an lebih utama berbanding hadith qudsi kerana Allah SWT juga menurunkan lafaznya”. Perbezaan antara al-Qur'an dan hadis qudsi adalah seperti berikut:

I. Sumber dan Asal:

Lafaz dan makna al-Qur'an datang langsung dari Allah SWT, sementara hadis qudsi memiliki makna yang berasal dari Allah SWT tetapi kata-katanya disampaikan oleh Rasulullah SAW.

II. Penggunaan dalam Solat:

Al-Qur'an boleh dibaca dalam solat sebagai sebahagian daripada ibadah, sementara hadis qudsi tidak boleh dibaca dalam solat.

III. Status dalam Ibadah:

Membaca al-Qur'an dianggap sebagai ibadah yang utama, sementara membaca hadis qudsi tidak dianggap sebagai sebahagian daripada ibadah.

APAKAH CONTOH HADIS QUDSI?

Daripada Abu Zar al-Ghfariy RA daripada Rasulullah SAW sebagaimana yang Baginda riwayatkan daripada Allah SWT bahawa Allah SWT berfirman:

يَا عِبَادِيْ! إِنِّي حَرَمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي، وَجَعَلْتُه بَيْتَكُمْ مُحَرَّماً، فَلَا تَظَالُمُوا. يَا عِبَادِيْ! كُلُّمْ صَالٌ إِلَّا مِنْ هَدِيْتِهِ، فَلَسْتَنَدُونِي أَهْدِكُمْ. يَا عِبَادِيْ! كُلُّمْ غَارِ إِلَّا مِنْ كَسْوَتِهِ، فَلَسْتَكُسُونِي أَكْسِكُمْ. يَا عِبَادِيْ! إِنَّكُمْ تُحْطَلُونَ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ، وَأَنَا أَغْفُرُ الدُّنُوبَ جَمِيعاً؛ فَاسْتَغْفِرُونِي أَغْفُرُ لَكُمْ. يَا عِبَادِيْ! إِنَّكُمْ لَنْ تَنْلُوْا ضَرِّي فَقَصْرُونِي، وَلَنْ تَنْلُوْا نَعْيَيْ فَنَفْعُونِي. يَا عِبَادِيْ! لَوْ أَنْ أَوْلَكُمْ وَآخِرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجِنْنَكُمْ كَانُوا عَلَى أَنْقَى قَلْبِ رَجْلٍ وَاحِدٍ مِنْكُمْ، مَا زَادَ ذَلِكَ فِي مُلْكِي شَيْئاً. يَا عِبَادِيْ! لَوْ أَنْ أَوْلَكُمْ وَآخِرَكُمْ وَإِنْسَكُمْ وَجِنْنَكُمْ كَانُوا عَلَى أَفْجَرِ قَلْبِ رَجْلٍ وَاحِدٍ مِنْكُمْ، مَا نَقَصَ ذَلِكَ مِنْ مُلْكِي شَيْئاً. يَا عِبَادِيْ! لَوْ أَنْ أَوْلَكُمْ وَآخِرَكُمْ وَجِنْنَكُمْ قَائِمُوا فِي صَعِيدٍ وَاحِدٍ، فَسَأَلُوْنِي، فَأَعْطَيْتُهُنَّا كُلَّ وَاحِدٍ مَسْأَلَةَ، مَا نَقَصَ ذَلِكَ مِمَّا عِنْدِي إِلَّا كَمَا يَنْقُصُ الْمُحِيطُ إِذَا دَخَلَ الْبَحْرَ. يَا عِبَادِيْ! إِنَّمَا هِيَ أَعْمَالُكُمْ أَحْسِبَهَا لَكُمْ، ثُمَّ أُوْقِيْكُمْ إِيَّاهَا؛ فَمَنْ وَجَدَ خَيْرًا فَلِيْخُمِدْهُ اللَّهُ، وَمَنْ وَجَدَ غَيْرَ ذَلِكَ فَلَا يُبُوْلُمُنَ إِلَّا نَفْسَهُ.

Maksudnya: "Wahai hamba-Ku, sesungguhya aku telah mengharamkan kezaliman atas diri-Ku dan Aku telah mengharamkan kezaliman antara kamu, maka janganlah kamu saling melakukan kezaliman. Wahai hamba-Ku kamu semua adalah sesat kecuali sesiapa yang Aku beri petunjuk, maka mintalah petunjuk kepada-Ku nescaya Aku akan memberikan kamu petunjuk.

Wahai hamba-Ku, kamu semua berada dalam kelaparan kecuali sesiapa yang aku berikan kepadanya makanan, maka mintalah makanan kepada-Ku nescaya Aku berikan kamu makanan. Wahai hamba-Ku, kamu semua adalah telanjang kecuali sesiapa yang aku berikan kepadanya pakaian, maka mintalah pakaian kepada-Ku, nescaya Aku berikan kamu pakaian. Wahai hamba-Ku kamu semua melakukan kesalahan pada waktu malam dan siang hari dan Aku mengampuni dosa semuanya, maka mintalah ampun kepada-Ku nescaya akan Aku ampuni.

Wahai hamba-Ku sesungguhnya tidak ada mudharat yang dapat kamu lakukan kepada-Ku sebagaimana tidak ada manfaat yang dapat kamu beri kepada-Ku. Wahai hamba-Ku seandainya seluruh manusia meliputi orang yang pertama hingga orang yang terakhir daripada kalangan manusia dan jin berada dalam keadaan paling bertakwa dalam kalangan kamu, nescaya hal tersebut tidak menambah pada kerajaan-Ku sedikitpun.

Wahai hamba-Ku seandainya seluruh manusia meliputi orang yang pertama hingga orang yang terakhir daripada kalangan manusia dan jin berada dalam keadaan paling jahat dalam kalangan kamu, nescaya hal itu tidak mengurangi daripada kerajaan-Ku sedikitpun. Wahai hamba-Ku, seandainya seluruh manusia meliputi orang yang pertama hingga orang yang terakhir daripada kalangan manusia dan jin berdiri di sebuah bukit lalu kamu meminta kepada-Ku, lalu setiap orang yang meminta Aku penuhi, nescaya hal itu tidak mengurangi apa yang ada pada-Ku kecuali bagaikan sebilah jarum yang dicelup di dalam laut. Wahai hamba-Ku, sesungguhnya semua perbuatan kamu akan diperhitungkan



mackhal

untuk kamu kemudian diberi balasannya. Siapa yang mendapat kebaikan maka hendaklah dia memuji Allah SWT dan siapa yang mendapat selain daripada itu janganlah dia mencela kecuali dirinya sendiri". [Riwayat Muslim, no. Hadith 2577]

PENGERTIAN WAHYU

Perkataan **وَحْيٌ** telah disebut sebanyak 78 kali dalam Al-Quran dan dianggap sebagai istilah penting dalam konsep komunikasi antara Allah dan manusia. Pada asasnya perkataan **وَحْيٌ** menunjukkan proses komunikasi.

Secara harfiah, perkataan **وَحْيٌ** mempunyai makna ilham, wahyu, saranan, isyarat, menunjukkan sesuatu kepada seseorang, menyampaikan sesuatu kepada fikiran seseorang secara rahsia, sesuatu yang dinyatakan, tulisan atau idea yang diilhamkan, menghantar utusan kepada seseorang, bercakap secara rahsia.senyap, berbunyi, dan mendesak.

Dalam konteks Islam, perkataan **وَحْيٌ** bermaksud penyampaian idea, perintah dan maklumat daripada Allah kepada makhluk pilihan-Nya sama ada secara langsung atau melalui perantaraan seperti malaikat.

Lafaz "al-Wahyu" merupakan bentuk masdar (infinitif), dan struktur lafaz itu menunjukkan dua makna utama iaitu tersembunyi dan cepat. Oleh itu, wahyu adalah pemberitahuan tersembunyi dan cepat yang diberikan khusus kepada orang yang diberitahu tanpa diketahui orang lain.

CARA PENURUNAN WAHYU

- 1) Malaikat datang dalam rupa sebenar
- 2) Malaikat menyerupai manusia
- 3) Malaikat datang dengan keadaan sembunyi
- 4) Dengan bunyi loceng
- 5) Juga dengan bunyi leba

APAKAH PERBEZAAN WAHYU DAN ILHAM?

WAHYU

Wahyu (bahasa Arab: **وَحْيٌ**) dalam Islam merujuk kepada pemberitahuan atau komunikasi tersembunyi yang Allah sampaikan kepada Nabi atau Rasul melalui perantaraan Malaikat Jibril atau secara langsung. Wahyu mempunyai ciri-ciri berikut:



Diterima khas oleh para Nabi dan Rasul bagi tujuan menyampaikan ajaran agama kepada manusia.

Ia adalah muktamad dan tidak boleh diubah atau diragui. Contoh wahyu yang paling penting ialah Al-Quran yang diterima oleh Nabi Muhammad SAW.

ILHAM

Ilham (bahasa Arab: إلهام) dalam Islam ditakrifkan sebagai ilham atau makrifat yang Allah berikan terus kepada hati seseorang, tanpa perantara. Inspirasi mempunyai ciri-ciri berikut:

Boleh diterima oleh sesiapa sahaja, tidak terhad kepada Nabi atau Rasul. Ia bersifat peribadi dan subjektif, yang mungkin berkaitan dengan panduan atau arahan dalam menangani situasi tertentu. Ia tidak mempunyai kuasa wahyu dan tidak bertujuan untuk disampaikan sebagai ajaran agama kepada manusia secara umum.

Perbezaan utama antara wahyu dan ilham terletak pada sifat, kaedah penyampaian, dan penerimaannya. Wahyu adalah komunikasi langsung daripada Tuhan untuk tujuan keagamaan yang mempunyai kewibawaan dan kesahihan yang tidak diragukan, manakala ilham adalah ilham yang Tuhan berikan kepada individu untuk membimbing mereka dalam kehidupan seharian atau dalam situasi tertentu. Inspirasi boleh dirasai oleh sesiapa sahaja dan tidak bertujuan untuk menjadi sumber ajaran agama yang universal.

BAGAIMANAKAH WAHYU ALLAH S.W.T KEPADA RASULULLAH S.A.W

1. Dengan tidak melalui perantaraan

- Mimpi yang benar.seperti Kisah Nabi Ibrahim Bersama anaknya Hadis riwayat dari Saidatina Aisyah yang bermaksud:
“ Seawal-awal wahyu yang diterima oleh baginda ialah mimpi yang benar ketika tidur, maka ia tidak melihat melainkan datangnya seperti fajar waktu subuh.”
- Suara melalui pelindung atau tabir seperti Nabi Musa AS

2. Dengan cara melalui perantaraan

Wahyu diturunkan melalui perantaraan malaikat

Wahyu Allah S.W.T dari Malaikat kepada Rasulullah

- a) Dengan cara yang paling berat .

Iaitu mendengar bunyi loceng dan suara yang kuat supaya Nabi bersedia menerima wahyu yang datang.



Firman Allah S.W.T :surah -Muzammil yang bermaksud “Sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu wahyu (Al-Quran Yang mengandungi perintah-perintah) Yang berat (kepada orang-orang Yang tidak bersedia menyempurnakannya)”.

- b) Dengan cara yang ringan.

Iaitu Malaikat menyerupai seorang lelaki dengan paras rupa yang indah dan berseri, kemudian membacakan wahyu tersebut kepada baginda serta baginda menerima dengan senang.

Riwayat oleh Bukhari di dalam sahihnya daripada Aisyah Ummul mukminin yang bermaksud, “ Harith bin Hisyam telah bertanya kepada Rasulullah S.A.W. Katanya: Wahai Rasulullah, bagaimanakah wahyu didatangkan kepada engkau? Jawab baginda: “ Kadangkala ia didatangkan kepadaku seumpama bunyi loceng yang merupakan cara yang paling berat aku rasakan. Aku pun meyakininya dan kemudian aku menguasai apa yang telah diperkatakan. Kadangkala malaikat menyerupakan dirinya kepadaku seumpama seorang lelaki dan memperkatakan kepadaku dan aku menguasai apa yang diperkatakannya.”

SESI KEDUA: SEJARAH PERKEMBANGAN ULUM AL-QURAN

Sejarah perkembangan `Ulum al-Quran` bermula dari zaman Nabi Muhammad SAW, di mana para sahabat menunjukkan semangat yang tinggi dalam menghafaz dan mempelajari Al-Quran. Mereka mengambil pendekatan secara beransur-ansur dalam mempelajari al-Quran, di mana mereka tidak akan beralih ke ayat seterusnya sebelum memahami sains (ilmu) dan amal (amalan) dari sepuluh ayat yang mereka pelajari sebelumnya.

Ini menunjukkan kepentingan kedalaman pemahaman berbanding jumlah yang dihafal. Nabi Muhammad SAW juga mengambil langkah menjaga kemurnian al-Quran dengan melarang sahabat menulis selain al-Quran pada waktu-waktu tertentu, bagi mengelakkan kekeliruan antara wahyu dan hadis.

Perkembangan `Ulum al-Quran` berterusan pada zaman Khalifah, dengan langkah-langkah penting yang diambil oleh Khalifah untuk mengumpulkan, menulis al-Quran. Sebagai contoh, Khalifah Abu Bakar mula mengumpulkan dan menulis Al-Quran kerana kebimbangan tentang kehilangan hafalan Al-Quran setelah ramai penghafal Al-Quran mati dalam perperangan.

Pada zaman Khalifah Usman bin Affan, mula berlaku perbezaan bacaan dalam kalangan masyarakat Islam kerana agama Islam telah tersebar di luar tanah Arab. Khalifah Uthman bin 'Affan mengamalkan dasar menulis ayat-ayat Al-Quran secara seragam dan dinamakan Mushaf Usman.

Pada zaman Khalifah Ali bin Abi Talib, semakin ramai orang bukan Arab yang masuk Islam dan mereka tidak menguasai bahasa Arab, maka berlaku salah baca kerana ayat Al-Quran tidak diberi harakat/baris, tidak bertitik, dan tidak mempunyai tanda baca. Khalifah Ali bin Abi Talib juga mengambil hikmah dengan memerintahkan salah seorang ilmuwannya, Abu al-Aswad al-Duali (w. 691 H) untuk menyusun peraturan bahasa Arab yang disusun dalam bahasa Al-Quran. Kebijaksanaan Ali bin 'Abi Talib dianggap sebagai pelopor kepada lahirnya ilmu Nahwu dan I'rab al-Quran.

Pada zaman para Sahabat dan Tabi'in, usaha untuk menyampaikan makna al-Quran dan tafsir ayat-ayat tersebut diteruskan. Sahabat yang terkenal dengan kemahiran tafsirnya termasuklah empat khalifah, Ibn Mas'ud, Ibn Abbas, dan lain-lain. Kemudian, para tabi'in meneruskan usaha ini dengan mengambil ilmu daripada sahabat dan juga berijtihad dalam mentafsir ayat-ayat tersebut. Antaranya ialah ilmu tafsir, 'Gharib al-Quran' (perkataan yang

jarang ditemui dalam Al-Quran), `Asbabun Nuzul` (sebab-sebab turunnya ayat), `Makki dan Madani` (pembezaan ayat-ayat yang diturunkan di Mekah dan Madinah), serta `Nasikh dan Mansukh` (ayat-ayat yang menghapuskan atau dimansuhkan oleh ayat-ayat lain)

`Ulum al-Quran` berkembang melalui pelbagai peringkat sejarah, bermula daripada kaedah talqin atau imlak secara lisan pada zaman Nabi Muhammad SAW, sehingga kerisauan tentang hilangnya ilmu al-Quran yang mendorong inisiatif mendokumentasikan ilmu-ilmu Al-Quran. Imam Ali bin Abi Talib merupakan salah seorang tokoh penting dalam usaha mengumpul dan memelihara Al-Quran. Kelahiran `Ulum al-Quran` berkait rapat dengan proses turunnya Al-Quran dan persoalan-persoalan yang timbul daripada manusia ketika itu, yang kemudiannya mengilhamkan kajian berkenaan Al-Quran.

Sejarah `Ulum al-Quran` mencerminkan usaha berterusan dalam memahami, memelihara dan mentafsir Al-Quran, yang melibatkan peranan aktif para sahabat, tabi'in dan ulama seterusnya dalam mengembangkan pelbagai disiplin ilmu berkaitan Al-Quran.

KEISTIMEWAAN RASM UTHMANI

Keistimewaan Rasm Uthmani merujuk kepada ciri-ciri khas dan penting dalam penulisan manuskrip Al-Quran menggunakan gaya Rasm Uthmani, yang dinamakan sempena Khalifah Uthman bin Affan (RA). Khalifah Uthman memainkan peranan penting dalam pengumpulan dan penulisan semula Al-Quran dalam format yang teratur dan seragam untuk mengelakkan perbezaan dalam bacaannya. Ciri-ciri utama Rasm Uthmani termasuklah:

1. **Susunan dan Tulisan Seragam:** Rasm Uthmani menyediakan bentuk tulisan yang seragam untuk Al-Quran, memudahkan proses penyalinan dan penghafalan. Ini membantu mengurangkan risiko ketidakseragaman dan kesilapan dalam penyalinan.
2. **Ketepatan dan Keaslian:** Rasm Uthmani dianggap sebagai metod penulisan Al-Quran yang paling tepat dan sahih, di mana menulis perkara yang betul-betul thubutnya secara mutawatirah
3. Tidak menulis ayat **yang nasakh tilawahnya**
4. Merujuk kepada semua mushaf yang ditulis oleh Zaid di zaman Khalifah Abu Bakar As-Sidiq R.A

5. **Pemeliharaan Dialek Quraisy:** Penulisan Rasm Uthmani memelihara dialek Quraisy, suku Nabi Muhammad SAW, yang merupakan dialek Al-Quran diturunkan, menjaga keaslian dan kemurnian bahasa.
6. **Penggunaan Harakat untuk Bacaan:** Walaupun versi asal Rasm Uthmani tidak memasukkan tanda baca seperti fathah, kasrah, dan dammah, perkembangan selanjutnya memasukkan tanda baca ini untuk membantu dalam pembacaan dan pemahaman teks, khususnya bagi pembaca yang bukan berbahasa Arab.
7. **Penggunaan Tanda Khas:** Rasm Uthmani menggunakan beberapa singkatan dan tanda khas untuk menandai tempat-tempat tertentu dalam teks untuk sujud (sajdah) atau pembahagian ayat, memudahkan pembacaan
8. **Mengumpul Segala Kekhilafan Qiraat** di dalam satu mushaf dengan cara tulisan secara isyarat.
9. **Pengiktirafan dan Penerimaan Global:** Rasm Uthmani secara luas diakui dan diterima oleh umat Islam di seluruh dunia secara global.

Rasm Uthmani berperanan penting dalam sejarah Islam, tidak hanya dalam memelihara Al-Quran tetapi juga dalam mengukuhkan identiti dan kesatuan komuniti Islam melalui teks yang terpadu dan suci.

APAKAH AYAT PERTAMA DITURUNKAN?

Ayat pertama yang diturunkan kepada Rasulullah Muhammad SAW memiliki beberapa pendapat, namun pernyataan yang paling sahih dan diterima secara luas adalah ayat dari Surah Al-'Alaq (96:1), yang berbunyi:

أَقْرِأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

"Iqra' (Bacalah) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan."

Pendapat ini didasarkan pada hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah radhiyallahu 'anha, yang menyatakan bahwa wahyu pertama yang diterima Rasulullah -sallallahu 'alaihi wa sallam- adalah mimpi yang benar, diikuti oleh kegemaran beliau untuk menyendiri di Gua Hira'. Di sitolah wahyu pertama turun kepada beliau.

Pendapat lain mengenai ayat pertama yang diturunkan antara lain:

1. Surah Al-Muddathir (74:1): Beberapa pendapat menyatakan bahwa awal wahyu adalah ayat dari Surah Al-Muddathir, yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الْمُذَكَّرُ

"Hai orang yang berselimut (Muhammad),"

2. Surah Al-Fatiyah: Pendapat ketiga menyebutkan Surah Al-Fatiyah sebagai wahyu pertama yang turun, yang merupakan surah pembuka Al-Qur'an dan sering disebut sebagai 'Ummul Kitab' (induk Al-Qur'an).

3. Bismillah (Basmalah): Pendapat keempat menyatakan bahwa "Bismillahirrahmanirrahim" (Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih, Maha Penyayang) adalah ayat pertama yang diturunkan. Namun, pendapat ini tidak sekuat pendapat yang menyatakan Surah Al-'Alaq sebagai awal wahyu.

Pendapat paling sahih dan yang paling banyak diterima oleh ulama adalah bahwa ayat pertama yang diturunkan adalah dari Surah Al-'Alaq, yang menandai awal dari wahyu yang membawa cahaya Islam ke dunia.

APAKAH AYAT TERAKHIR DITURUNKAN ALLAH KEPADA BAGINDA RASULULLAH SAW?

Terdapat berbagai pendapat mengenai ayat terakhir yang diturunkan kepada Rasulullah Muhammad SAW, yang menunjukkan kekayaan dan kedalaman tradisi penafsiran dalam Islam. Beberapa pendapat yang dikemukakan termasuk:

1. Ayat tentang meninggalkan riba (Surah Al-Baqarah 2:278).
2. Ayat yang mengingatkan tentang hari kembali kepada Allah (Surah Al-Baqarah 2:281).
3. Ayat tentang hutang (Surah Al-Baqarah 2:282), yang dikenal sebagai ayat hutang.
4. Ayat tentang masalah warisan (kalalah) dari Surah An-Nisa' (4:176).
5. Ayat yang menyatakan kehadiran Rasul dari kalangan sendiri dalam Surah At-Tawbah (9:128-129).
6. Surah Al-Maidah sebagai surah terakhir yang turun secara keseluruhan yang berisi hukum halal dan haram.
7. Ayat yang menjamin bahwa amal perbuatan tidak akan sia-sia (Surah Ali-Imran 3:195).
8. Ayat tentang hukuman bagi pembunuhan muslim secara sengaja (Surah An-Nisa' 4:93).

9. Surah An-Nasr (110) sebagai surah terakhir yang menandakan akan dekatnya wafat Nabi Muhammad SAW.

Namun, pendapat yang paling banyak diterima adalah ayat dari Surah Al-Ma'idah (5:3), yang turun tidak lama sebelum wafatnya Nabi Muhammad SAW di Arafah saat haji Wada'. Ayat ini berbunyi:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَنْمَطْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Yang berarti "Pada hari ini, Aku telah sempurnakan untuk kalian agama kalian, dan telah Aku cukupkan kepada kalian nikmat-Ku, dan telah Aku ridhai Islam itu sebagai agama bagi kalian."


SESI KETIGA: NUZUL QURAN

Kata "nuzul" berasal dari bahasa Arab نزول ينزل نزل yang secara etimologi berarti turun dari atas ke bawah. Imam al-Zarkasyi menyatakan bahawa para ulama Ahlu al-Sunnah bersetuju bahawa kalam Allah SWT (Al-Quran) itu diturunkan, namun mereka berbeza pendapat dalam memaknai kata "nuzul" atau "inzal" (turun).

Ada yang berpendapat bahawa nuzul Al-Quran berarti kemunculan Al-Quran. Ada pula yang mengatakan bahawa nuzul Al-Quran adalah pemberian pemahaman (al-i'lam) tentang Al-Quran.

Mengenai tema nuzulul al-Quran, para ulama berbeza pendapat dan terbahagi kepada dua golongan. Pertama, berhujah bahawa nuzulul Al-Quran bermaksud turunnya Al-Quran, tanpa perlu mengubah makna lafazh nuzul daripada makna hakiki kepada makna majazi (metafora). Kedua, mengatakan nuzul di sini mesti dialihkan daripada makna hakiki kepada makna majazi, seperti pemberitahuan, memberi kefahaman dan sebagainya. Jadi, nuzulul al-Quran adalah proses pemberian pemahaman al-Quran melalui malaikat kepada Nabi Muhammad SAW.

TAHAP-TAHAP PENURUNAN AL-QURAN



1. Penurunan Al-Quran ke Lauh Mahfuz

